

PERJANJIAN

ANTARA KERAJAAN SOVIET DENGAN KERAJAAN AMERIKA MENGENAI KERJASAMA DALAM BIDANG PENGANGKUTAN

Kerajaan Soviet dan Kerajaan Amerika menyedari tentang penting peranan yang dimainkan oleh sistem pengangkutan yang selamat dan cekap bagi kemajuan semua negara.

Menimbangkan bagi memperbaiki sistem pengangkutan yang ada sekarang dan teknik boleh memberi faedah kepada rakyat kedua negara.

Yakin usaha bersama oleh kedua negara dalam bidang ini boleh memberi sumbangan bagi memajukan lagi sistem pengangkutan dan mengatasi masalah-masalahnya yang boleh dilakukan melalui usaha-usaha berasingan dan kebangsaan.

Berhasrat untuk mengembang dan mengujudkan hubungan jangka panjang yang baik antara pakar-pakar pengangkutan kedua negara.

Sejajar dengan itu dan bagi memajukan lagi persetujuan tersebut kedua kerajaan mengenai kerjasama dalam bidang sains dan teknologi pada 24 Mei, 1972 dan sejajar dengan perjanjian bagi bertukar-tukar dan kerjasama dalam sains, teknik, pelajaran, kebudayaan dan lain-lain bidang 11 April, 1972 dan sejajar dengan persetujuan mengenai kerjasama dalam melindungi kekotoran padang pada 24 Mei, 1972.

Telah bersetuju seperti berikut :

ARTIKEL 1

Kedua pihak akan memaju dan melaksanakan kerjasama dalam bidang pengangkutan berasaskan faedah bersama.

ARTIKEL 2

Kerjasama ini akan ditumpukan mengatasi masalah tertentu dan penyiasatan bagi kepentingan bersama dalam bidang pengangkutan bagi permulaan, kerjasama itu akan dilaksanakan bagi perkara-perkara berikut :

(a) Pembinaan jambatan-jambatan dan, lubang gelap termasuk masalah mengawal rekabentuk dan bentukan khas di bawah keadaan iklim sejuk;

(b) Pengangkutan keretapi termasuk masalah gerabak, landasan, lalulintas jenis laju, otomasyen dan gerakan musim sejuk.

(c) Penerbangan Awam termasuk masalah menambahkan kecekapan dan keselamatan;

(d) Pengangkutan laut termasuk teknologi kapal laut dan sistem mengendalikan kargo di pelabuhan-pelabuhan.

(e) Pengangkutan jalanraya termasuk masalah keselamatan lalu-lintas.

Lain-lain kerjasama boleh ditambah dengan persetujuan bersama.

ARTIKEL 3

Kerjasama dalam perkara-perkara di atas boleh dilakukan sebagai berikut :

(a) Bertukar-tukar ahli sains dan pakar-pakar.

(b) Bertukar-tukar maklumat sains dan teknik dan dokumen.

(c) Mengadakan persidangan-persidangan bersama, mesyuarat dan seminar-seminar.

(d) Perancangan Bersama pembangunan dan pelaksanaan rancangan dan projek-projek penyelidikan.

Lain-lain kerjasama boleh ditambah dengan persetujuan bersama.

ARTIKEL 4

Untuk memenuhi tujuan-tujuan perjanjian ini seterusnya, kedua pihak akan menggalak usaha mengadakan kemudahan dan mengesan kemajuan kerjasama dan berhubung terus antara agensi, pertubuhan dan syarikat-syarikat kedua negara, termasuk melaksanakan perjanjian itu dengan melaksanakan projek dan rancangan-rancangan tertentu di bawah perjanjian ini.

ARTIKEL 5

1. Bagi melaksanakan Perjanjian ini hendaklah ditubuhkan Jawatankuasa bersama mengenai kerjasama dalam pengangkutan. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan pertemuan mengikut peraturan setahun sekali bergilir-gilir di Soviet Union dan Amerika Syarikat, kecuali persetujuan lain dicapai.

2. Jawatankuasa bersama itu hendaklah mengambil tindakan serupa itu kerana ia perlu bagi pelaksanaan perjanjian itu dengan berkesan, tetapi tidak terhad, bagi meluluskan projek-projek rancangan-rancangan tertentu dalam kerjasama itu: Melantik agensi-agensi dan pertubuhan-pertubuhan yang akan bertanggungjawab bagi melaksanakan kegiatan kerjasama dan membuat syor-syor yang wajar kepada kedua pihak.

3. Tiap-tiap pihak akan melantik pegawai tingginya yang akan bertanggungjawab melaksanakan perjanjian ini. Dalam tempoh pertemuan-pertemuan Jawatankuasa bersama itu, pegawai-pegawai itu hendaklah mengekalkan hubungan antara satu sama lain, memberitahu kegiatan-kegiatan dan kemajuan pelaksanaan perjanjian itu dan menyelaras dan menyeliakan kemajuan dan pelaksanaan yang dilaksanakan di bawah perjanjian itu.

ARTIKEL 6

Perjanjian ini tidak boleh ditafsir yang boleh membawa prasangka terhadap lain-lain perjanjian-perjanjian itu.

ARTIKEL 7

1. Perjanjian ini dikuatkuasakan selepas ditandatangani dan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun. Ia boleh diperbaiki atau tempohnya dilanjutkan dengan persetujuan bersama kedua pihak.

2. Pemansuhan perjanjian ini janganlah melibatkan pengesahan perlaksanaan perjanjian-perjanjian yang dibuat di bawah perjanjian antara ajensi-ajensi, pertubuhan dan syarikat-syarikat kedua negara yang berminat.

Dibuat di Washington pada 19 Jun, 1973 dalam dua bahasa iaitu Russia dan Inggeris yang mempunyai persamaan erti.

**Bagi Kerajaan
Kesatuan Republik
Sosialis Soviet
A. GROMYKO**

**Bagi Kerajaan
Amerika Syarikat
WILLIAM P. ROGER**